

Sanggan bukan kayu pengukur

BH 10 MAR 2000

SUBANG, Khamis – Pilihan raya kecil kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sanggang, Pahang 1 April ini, tidak boleh dijadikan kayu pengukur penerimaan rakyat terhadap Barisan Nasional (BN), kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, tidak ada pilihan raya kecil yang boleh dijadikan kayu pengukur bagi apa-apa tujuan sekali pun.

“Ini kerana apa yang berlaku dalam pilihan raya kecil tidak menggambarkan apa yang kemudiannya berlaku dalam pilihan raya umum, herdasarkan beberapa pilihan

raya kecil yang lalu.

“Pilihan raya kecil dan pilihan raya umum mempunyai skop dan matlamat berlainan,” katanya kepada pemberita selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berlepas untuk lawatan rasmi ke Indonesia, di Lapangan Terhang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang di sini hari ini.

Abdullah yang juga Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden diminta mengulas kecenderungan sesetengah pihak untuk melihat

pilihan raya kecil Sanggang sebagai kayu pengukur sejauh mana penerimaan rakyat terhadap BN, yang berkemungkinan besar akan sekali lagi menghadapi Pas di situ.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian wakil rakyatnya yang juga Ahli Exco Kerajaan Negeri. Datuk Abdullah Kia, 54, yang diserang angin ahmar pada 26 Februari lalu.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 21 Mac ini sebagai hari penamaan dan jika ada pertandingan, pengundian akan diadakan pada Sabtu, 1 April. SPR

menggunakan daftar pemilih 1999 yang disahkan pada 24 Februari lalu, dengan 15,276 pengundi iaitu 15,177 pengundi biasa dan 99 pengundi pos.

Pada pilihan raya umum lalu, Allahyarham Abdullah menang dengan majoriti 1,038, menewaskan calon Pas. Abdul Rahim Latif. Ketika itu, jumlah pemilih yang boleh mengundi di kawasan DUN berkenaan ialah 15,579 pengundi.

Abdullah berkata, walaupun isu yang timbul dalam pilihan raya kecil itu nanti mungkin agak sama dengan isu ketika pilihan raya umum

November lalu, skop pilihan raya kecil dan pilihan raya umum tetap berbeza.

Bagaimanapun katanya, BN sudah membuat persiapan sebaik-baiknya bagi mempertahankan kerusi DUN Sanggang dan akan bekerja bersungguh-sungguh untuk mengekalkannya.

“Tentu sekali kita mahu mengekalkan kedudukan ini supaya wakil rakyat yang dipilih dalam pilihan raya kecil ini adalah wakil rakyat daripada parti BN,” katanya.

Beliau berkata, jentera BN sudah dikenal pasti bagi membantu BN Pahang memastikan kemenangan.